

KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN
PERLANJUTAN PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA & OCEAN
INFINITY BAGI MENGESAN BANGKAI PESAWAT MH370

Jemaah Menteri pada 26 Jun 2026 telah bersetuju untuk melanjutkan Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Syarikat Ocean Infinity (United Kingdom) bagi meneruskan usaha pencarian dasar laut pesawat MH370 di Selatan Lautan Hindi.

Pelanjutan ini berkuat kuasa bagi tempoh 12 bulan, bermula 1 Julai 2026 hingga 30 Jun 2027. Keputusan ini merupakan manifestasi komitmen berterusan dan tidak berbelah bahagi Kerajaan dalam memberikan penutupan (closure) yang amat dinantikan oleh keluarga waris penumpang pesawat MH370.

Pelanjutan ini mengekalkan kesemua terma dan syarat utama dalam perjanjian sedia ada termasuk penerapan prinsip "no find, no fee". Mengikut prinsip tersebut, Kerajaan Malaysia tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran kepada syarikat ini sekiranya tiada sebarang bangkai pesawat ditemui. Walau bagaimanapun, fi pembayaran berjumlah US\$70 juta akan dibayar kepada Ocean Infinity sekiranya bangkai pesawat MH370 berjaya dijumpai.

Kelulusan pelanjutan tempoh ini bertujuan membolehkan baki kawasan pencarian seluas 7,428.54 kilometer persegi diselesaikan sepenuhnya oleh syarikat berkenaan. Langkah ini turut mengambil kira komitmen kontrak komersial baharu yang diterima oleh Ocean Infinity yang memerlukan aset utama operasi sedia ada ditugaskan semula ke lokasi lain buat sementara waktu. Penugasan dan penjadualan semula aset tersebut hanya boleh dibuat bermula November 2026 hingga April 2027 iaitu semasa musim keadaan laut tidak bergelora bagi menjamin keselamatan serta keberkesanan pencarian.

MENTERI PENGANGKUTAN
LOKE SIEW FOOK
29 Jun 2026

– TAMAT –



EXTENSION OF THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA & OCEAN INFINITY FOR THE SEARCH OF MH370 WRECKAGE

The Cabinet had on 26 June 2026 agreed to extend the Agreement between the Government of Malaysia and Ocean Infinity (United Kingdom) to continue the underwater search for the wreckage of flight MH370 in the Southern Indian Ocean. This extension is effective for a period of 12 months, from 1 July 2026 to 30 June 2027. This decision is a manifestation of the Government's continuous and unwavering commitment to provide a closure for the next of kin of the passengers aboard flight MH370.

This extension maintains all key terms and conditions of the existing agreement, including the application of the "no find, no fee" principle. Under this principle, the Government of Malaysia is not required to make any payment to the company if no aircraft wreckage is found. However, a fee of US\$70 million will be paid to Ocean Infinity if the wreckage of flight MH370 is successfully located.

The approval of this extension aims to allow the remaining search area of 7,428.54 square kilometers, to be fully completed by the company. This move also takes into account new commercial contract commitments received by Ocean Infinity, which require the primary assets of the existing search operation to be temporarily redeployed to another location. The redeployment and rescheduling of these assets can only be conducted between November 2026 and April 2027, during the calm sea season, to ensure the safety and effectiveness of the search.

MINISTER OF TRANSPORT
LOKE SIEW FOOK
29 June 2026

INFO KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

Kementerian Pengangkutan bertekad untuk memimpin pembangunan sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkukuh teknologi serta jaringan mobiliti sebagai pemangkin kemajuan negara.

PERTANYAAN MEDIA





Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan Malaysia
+603 8892 1027 | unitkomunikasikorporat@mot.gov.my



www.mot.gov.my



motmalaysia



ministryoftransportmy